

Adat kematian dalam kalangan kumpulan etnik Bajau Laut di kampung Bangau-Bangau, Semporna, Sabah

ABSTRAK

Komuniti Bajau Laut adalah rumpun peribumi yang mendiami beberapa kawasan di Asia Tenggara. Sebahagian besar etnik Bajau Laut masih mengamalkan adat tradisional dalam sistem sosial mereka. Artikel ini akan melihat perubahan yang telah berlaku dalam adat kematian etnik Bajau Laut. Antara persoalan kajian yang dikemukakan adalah sejauhmana perubahan dalam adat kematian etnik Bajau Laut dan kedua, melihat faktor yang mempengaruhi perubahan. Artikel ini menggunakan analisis data berbentuk kualitatif. Hasil daripada penyelidikan ini menunjukkan bahawa terdapat perubahan dalam adat namun terdapat sebahagian kecil daripada mereka masih berpegang dengan adat nenek moyang. Hal ini terbukti berdasarkan ukiran batu nisan dan replika yang ditempatkan di kawasan perkuburan.